

04 OCT 2002

Law-Bioteknologi

JAWATANKUASA TINGKAT BIDANG BIOTEKNOLOGI DI M'SIA DITUBUH

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan menubuhkan lembaga penasihat bioteknologi bagi meningkatkan pencapaian negara dalam bidang itu yang masih berada pada tahap sederhana.

Menterinya, Datuk Seri Law Hieng Ding berkata jawatankuasa itu yang mungkin dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi tumpuan yang terperinci kepada bidang bioteknologi kerana ia berpotensi untuk berkembang pesat di negara ini.

Katanya, senarai yang mengandungi barisan tertinggi jawatankuasa berkenaan akan diserahkan kepada Jemaah Menteri dalam kadar segera dan ia akan ditubuhkan secara rasmi sebaik sahaja diluluskan.

"Kementerian saya telah memutuskan untuk menubuhkan jawatankuasa ini dan ia telahpun siap sebenarnya, cuma menunggu kelulusan rasmi daripada Jemaah Menteri.

"Kita telah menerima arahan untuk mengenal pasti nama-nama pakar dari dalam dan luar negeri untuk dipertimbangkan bagi menganggotai jawatankuasa ini," katanya pada sidang media selepas menutup Simposium BioMalaysia 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Law berkata serentak dengan penubuhan lembaga penasihat itu, tiga institusi dalam bidang pertanian, farmasi dan perhutanan akan diwujudkan.

"Bidang ini menjanjikan prospek yang amat luas dan berpotensi besar untuk maju di negara ini, kerana itu kita memberi lebih tumpuan terhadapnya," kata beliau.

Pada sidang media yang sama, Law berkata kementerianya menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan undang-undang keselamatan bioteknologi dengan terperinci.

Katanya, jawatankuasa itu yang dipengerusikan oleh kementerianya sendiri, turut dianggotai oleh Kementerian Pertanian, Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

"Jawatankuasa ini akan semak semua undang-undang yang berkaitan yang sedia wujud dan seragamkan ia bagi mengelakkan sebarang percanggahan dan kekeliruan," katanya.

Simposium itu yang diadakan selama empat hari berakhir hari ini menerima 1,934 peserta daripada 35 negara, khususnya mereka yang berkecimpung dalam sektor bioteknologi pertanian.

Seramai 98 penceramah terdiri daripada 68 penceramah antarabangsa dan 30 penceramah tempatan telah memberikan ceramah masing-masing, termasuk empat pakar yang memberikan ucap tama.

Sehingga hari ini, 10,000 pelawat telah mengunjungi pameran berkenaan yang disertai oleh 80 peserta mewakili pelbagai sektor, institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidikan.

-- BERNAMA

SOP AHH ROS